

Gadis 'nasi lemak anak dara' terima ijazah kejuruteraan

BATU PAHAT 9 Okt. - Nama Siti Hajjar Ahmad, 24, mula menjadi 'terkenal' apabila kisah perniagaan nasi lemak yang laris diusahakannya di Shah Alam, Selangor mendapat perhatian ramai di media sosial, baru-baru ini.

Kini, dia sudah bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik apabila menjadi antara penerima dalam sidang kedua Majlis Konvokesyen Ke-16 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang disampaikan Pro Canselornya, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Siti Hajjar yang ditemui nyata gembira apabila akhirnya dapat menggenggam segulung ijazah dalam bidang kejuruteraan setelah melalui pelbagai pengalaman baharu sejak tamat belajar Jun lalu.

Menurutnya, dia tidak pernah menyangka akan mendapat perhatian sebegitu rupa, namun menganggapnya sebagai rezeki untuk membantu ibunya dan adik-beradik lain.

"Saya bersyukur sangat dengan apa yang dilalui sehingga kini. Perancangan seterusnya adalah saya akan memberi fokus terhadap perniagaan nasi lemak terlebih dahulu sebelum mencari pekerjaan dalam bidang yang dipelajari."

"Idea bermiaga nasi lemak yang diberi nama 'nasi lemak anak dara' ini daripada kawan sementara saya menunggu panggilan kerja sebaik pergi ke temuduga di beberapa syarikat," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Menurut anak kelahiran Sungai Petani, Kedah itu, dia sebenarnya sudah mendapat kerja yang berkaitan tetapi melihat kepada rezeki dalam bidang perniagaan buat masa ini, dia memilih untuk menangguh terlebih dahulu.

"Saya tetap akan menjadi seorang jurutera seperti yang diimpikan oleh saya dan ibu, mungkin tahun depan saya akan memberi fokus terhadapnya tetapi pada masa sama tetap bermiaga nasi lemak," katanya.

Sementara itu, ibunya, Asmah Senapi, 55, menyokong apa jua usaha yang dilakukan anak ketiganya itu, namun tetap berhasrat



ALI HAMSA menyampaikan skrol ijazah kepada Siti Hajjar Ahmad dalam Majlis Konvokesyen Ke-16 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Dewan Sultan Ibrahim UTHM, Batu Pahat, Johor, kelmarin.

untuk melihat Siti Hajjar menjadi seorang jurutera suatu hari nanti.

"Dia telah berjanji untuk meneruskan apa yang dipelajarinya, cuma buat masa ini dia meminta izin untuk mencuba bidang perniagaan dan saya memang akan sentiasa berada di belakangnya," katanya.

Bercerita mengenai Siti Hajjar, guru di sebuah sekolah di Sungai Petani itu berkata, dia juga agak terkejut apabila diberitahu Siti Hajjar mahu bermiaga nasi lemak kerana mereka bukannya keluarga yang pernah berada dalam bidang itu.

"Tetapi Siti Hajjar memang seorang yang rajin memasak, apabila dia cuti semester dahulu pun dia akan menolong saya di dapur sehingga boleh memasak beberapa menu lain juga," kata ibu kepada lima cahaya mata itu.



Saya bersyukur sangat dengan apa yang dilalui sehingga kini, perancangan seterusnya adalah saya akan memberi fokus terhadap perniagaan nasi lemak terlebih dahulu sebelum mencari pekerjaan dalam bidang yang dipelajari."

SITI HAJJAR AHMAD

Peniaga nasi lemak anak dara